



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KETUA DELEGASI KE SESI DIALOG KONSTRUKTIF LAPORAN BERKALA KONVENTSYEN TENTANG PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CONVENTION ON THE ELIMINATION OF ALL FORMS OF DISCRIMINATION AGAINST WOMEN – (CEDAW) KEENAM MALAYSIA, 18 – 26 MEI 2024

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, **mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri Sesi Dialog Konstruktif Pembentangan Laporan Berkala Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW) Keenam Negara** dari 18 hingga 26 Mei 2024 di Geneva, Switzerland.

Beliau yang berlepas semalam turut disertai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff dan pegawai-pegawai kanan Kementerian. Selain itu, delegasi Malaysia turut disertai oleh wakil daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Di samping itu, entiti bukan kerajaan seperti SUHAKAM dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dari Malaysia juga akan turut mengambil bahagian dalam sesi dialog konstruktif tersebut.

CEDAW telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 18 Disember 1979 melalui resolusi 34/130. Konvensyen yang telah disertai oleh Malaysia pada 5 Julai 1995 ini memberi penekanan kepada usaha menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dalam bidang politik,

ekonomi, sosial dan budaya. Di bawah Artikel 18 CEDAW, setiap negara anggota perlu mengemukakan laporan berkala setiap 4 tahun sekali dan melaksanakan proses semakan serta menyediakan maklum balas dan menyertai sesi dialog konstruktif bagi memenuhi obligasi negara terhadap CEDAW.

YB Nancy akan menjadi Menteri Malaysia pertama mengetuai delegasi Malaysia ke sesi dialog konstruktif ini untuk menjawab persoalan-persoalan berbangkit bagi mempertahankan laporan berkala Ke-enam Negara yang telah dikemukakan oleh Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW.

Penyertaan negara di peringkat CEDAW memperlihatkan komitmen serius Malaysia dalam setiap kerjasama di peringkat antarabangsa bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita mengikut artikel yang terkandung di bawah CEDAW.

KPWKM yakin penyertaan Malaysia di dalam sesi Dialog Konstruktif CEDAW ini akan meningkatkan lagi impak usaha-usaha Kementerian bagi mempertahankan hak asasi kumpulan sasar khususnya wanita dan kanak-kanak perempuan dengan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, perundangan dan dasar negara.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
17 MEI 2024**